



MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5 TAHUN 2026

BAHASA MELAYU KERTAS 1

PERATURAN PEMARKAHAN

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak termasuk muka hadapan.

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan semangat kejiranan.


Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang semangat kejiranan.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

KEMBALIKAN HUBUNGAN ERAT ANTARA JIRAN TETANGGA

Semangat kejiranan merangkumi sikap saling mengambil berat, bekerjasama dan hidup harmoni antara penduduk yang tinggal berdekatan dalam sesuatu kawasan. Secara ringkas, semangat kejiranan ini merangkumi aktiviti tolong-menolong antara jiran ketika susah dan senang, saling menghormati tanpa mengira kaum dan agama serta bekerjasama dalam aktiviti komuniti.

Sumber: www.sinarharian.com.my



SOALAN BAHAGIAN A (30 markah)

1. Format penulisan komen:

Jumlah perkataan

Peringkat - markah

T – menepati tema

I – relevan, huraian jelas

B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P – sangat menarik dan berkesan

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan semangat kejiiran.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **semangat kejiiran**.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

2. Kehendak / tugas soal

Calon dikehendaki menghuraikan **manfaat/ kebaikan/ kepentingan/ kelebihan/ faedah semangat kejiiran**.

- i. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu:
 - Menjaga keselamatan.
 - Menjamin kebersihan.
- ii. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan dengan **manfaat/ kebaikan/ kepentingan/ kelebihan/ faedah semangat kejiiran** - diterima dan disemak seperti biasa.
- iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- v. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- vi. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
- vii. **Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

SOALAN BAHAGIAN B (70 markah)

1. Format penulisan komen:

Jumlah perkataan

Peringkat- markah

T – menjawab tugas

I – relevan, huraian jelas

B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P – sangat menarik dan berkesan

Soalan 1

Pantun Sungai dan Kita

Padi Makasar hijaunya rata,
Mentari terbit menyuluh bendang;
Sungai tercemar masyarakat derita,
Pelbagai penyakit datang bertandang.

Pohon lemuni tumbuhnya rendah,
Tampak mekar rimbun di laman;
Risau petani tiada sudah,
Air tercemar musnahkan tanaman.

Alunan puisi didendang perlahan,
Jiwa meruntun bait dikarang;
Kawasan rekreasi hilang keindahan,
Saban tahun pelancong berkurang.

Azmi Md Said
Bandar Baharu, Kedah

Berdasarkan pantun di atas, huraikan kesan-kesan pencemaran alam sekitar terhadap masyarakat dan negara.

Kehendak / tugas soalan

(i) Calon dikehendaki **menghuraikan kesan-kesan pencemaran alam sekitar terhadap masyarakat dan negara iaitu:**

- (i) Mendapat pelbagai penyakit.
- (ii) Memusnahkan tanaman
- (iii) Jumlah pelancong berkurang

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea luar – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan idea luar sahaja – maksimum peringkat **BAIK**.
4. Calon menghuraikan kesan terhadap masyarakat atau negara - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
5. Huraian calon tidak dikaitkan dengan masyarakat dan negara – maksimum peringkat **BAIK**

Soalan 2

Bangunan bersejarah atau monumen tidak hanya mengenai pengorbanan generasi terdahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan negara sebelum ini tetapi turut menjadi lambang ketamadunan bangsa Malaysia. Oleh itu, kesedaran untuk memelihara monumen bersejarah ini memerlukan sokongan padu daripada pihak kerajaan, warga pendidik dan masyarakat.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan peranan pihak-pihak tersebut bagi mewujudkan kesedaran untuk memelihara monumen bersejarah.

Kehendak / tugas soal

- (i) Calon dikehendaki **menghuraikan peranan pihak-pihak tersebut bagi mewujudkan kesedaran untuk memelihara monumen bersejarah** iaitu :
- (i) Kerajaan
 - (ii) Warga pendidik
 - (iii) Masyarakat

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan peranan semua pihak yang terdapat dalam petikan berserta pihak lain – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian pihak yang terdapat dalam petikan dan pihak lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian pihak yang terdapat dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan pihak lain sahaja – maksimum peringkat **BAIK**.

Soalan 3

Penggunaan media sosial seperti TikTok, Facebook dan WhatsApp telah mendominasi pergaulan harian masyarakat hari ini. Namun, keadaan ini menjadi cabaran besar kepada penguasaan bahasa Melayu. Norma ini telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ahli bahasa kerana wujudnya penggunaan bahasa rojak dalam kalangan generasi muda.

Sumber: *Dewan Bahasa*, Jun 2025

Huraikan cabaran yang dinyatakan dalam petikan berserta cabaran-cabaran lain untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu dengan betul.

Kehendak / tugas soal

- (i) Calon dikehendaki **menghuraikan cabaran yang terdapat dalam petikan berserta cabaran-cabaran lain untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu dengan betul** iaitu:
- (i) penggunaan media sosial seperti TikTok, Facebook dan WhatsApp.
 - (ii) cabaran-cabaran lain

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan idea luar sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Soalan 4

Kemajuan sektor pertanian telah membuka lembaran baharu kepada ekonomi negara yang sebelum ini hanya bertumpu kepada bidang perkhidmatan dan pembuatan semata-mata. Kini, kemajuan sektor pertanian bukan sahaja mampu meningkatkan jumlah peluang pekerjaan malah menjanjikan perkongsian teknologi dengan negara-negara maju. Dalam jangka masa panjang, kemajuan sektor ini juga mampu memastikan negara tidak lagi bergantung kepada produk-produk import seperti padi dan jagung.

Sumber: Internet

Huraikan manfaat-manfaat kemajuan sektor tersebut.

Kehendak / tugas soal

- (i) Calon dikehendaki **menghuraikan manfaat-manfaat kemajuan sektor pertanian yang terdapat dalam petikan** iaitu:
- (i) meningkatkan jumlah peluang pekerjaan
 - (ii) menjanjikan perkongsian teknologi dengan negara-negara maju
 - (iii) memastikan negara tidak lagi bergantung kepada produk-produk import

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea luar – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan idea luar – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea luar sahaja – maksimum peringkat **BAIK**.

- Jika calon menulis dalam bentuk poin (Bahagian A dan B) – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**
- Bahagian B
 - Bilangan perkataan 511 dan ke atas – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
 - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat **BAIK**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis/ Al-Quran? Kata-kata Tokoh
7. Penanda wacana
8. Tajuk (rencana/surat)
9. Kata Sendi 'di... (rumah)' dan 'ke...(sana)'
10. Angka
11. Kata Majmuk

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<u>Tema / Tugas</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian jelas dan matang. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai. *Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<u>Tema / Tugas</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat.

		<u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai.
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata masih luas / terhad. • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. • Wacana masih lengkap. • Pemerenggan masih sesuai.
Penguasaan minimum	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Penggunaan kosa kata terhad. - Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Pengolahan - Pengolahan kurang menarik. - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. - Wacana kurang lengkap. - Pemerenggan kurang sesuai.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum (TMT)	1 – 9 (6 – 9) (1 – 5)	- Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugas. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka

[70 markah]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<u>Tema / Tugas</u> - Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa bervariasi. - Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		<u>Pengolahan</u> - Pengolahan sangat menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Kepujian	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<u>Tema / Tugas</u> - Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Baik	45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	<u>Tema / Tugas</u> - Karangan masih menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian masih jelas. - Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. - Penggunaan kosa kata umum. - Ejaan dan tanda baca masih betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik dan berkesan - Pemerenggan masih sesuai. - Wacana masih lengkap. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Memuaskan	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	<u>Tema / Tugas</u> - Karangan masih / kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian kurang jelas. - Contoh kurang sesuai. <u>Bahasa</u> - Ayat kurang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. - Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan kurang menarik. - Pemerenggan kurang sesuai. - Wacana masih / kurang lengkap. - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
Penguasaan minimum	21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	<u>Tema / Tugas</u> - Karangan kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas / bercampur aduk. - Huraian tidak jelas / tidak berkembang.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Contoh yang tidak sesuai. Bahasa - Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami. - Penggunaan kata kurang tepat. - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. - Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. Pengolahan - Pengolahan tidak menarik. - Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang. - Wacana tidak lengkap.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	1 – 20 (11 – 20) (1 – 10)	Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. - Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. - Pengolahan tidak menarik. - Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang. - Wacana tidak lengkap.

Pemeriksa hendaklah memberi komen pada karangan yang diperiksa.

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

()	=	Kesalahan isi
_____	=	Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	=	Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	=	Kesalahan ejaan yang berulang
	=	Kesalahan tanda baca

TAMAT



MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

TAHUN 2026

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

PERATURAN PEMARKAHAN

MARKAH PENUH : 100 MARKAH
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

- Soalan 1: **8** markah
- Soalan 2: **6** markah
- Soalan 3: **11** markah
- Soalan 4: **4** markah
- Soalan 5: **6** markah

Perhatian bagi soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata bilangan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bilangan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata bilangan telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata bilangan salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata bilangan digunakan sebagai kata berimbuhan, kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada markah keseluruhan yang diperolehi.

Soalan 1 - Morfologi (kata bilangan)

- | | |
|--------------|--|
| (i) seorang | <ol style="list-style-type: none">1. satu orang (digunakan untuk manusia sahaja).2. satu orang: merujuk kepada jumlah individu tunggal.3. diri sendiri: melakukan sesuatu tanpa ditemani orang lain.4. merujuk kepada mana-mana satu individu daripada kumpulan yang ramai. |
| (ii) setiap | <ol style="list-style-type: none">1. tiap-tiap / tidak terkecuali satu pun dalam sesuatu kumpulan.2. satu-satu daripada banyak, masing-masing3. berurutan atau yang satu mengikuti yang lain (bukan masa)4. saban |
| (iii) segala | <ol style="list-style-type: none">1. semua sekali tanpa terkecuali (biasanya untuk benda atau hal).2. seluruh, segenap |

- | | | |
|------|----------|--|
| (iv) | semua | 1. seluruh / keseluruhan bilangan atau jumlah
2. sekalian, segala
3. seluruh |
| (v) | pelbagai | 1. bermacam-macam / berbagai-bagai / berjenis-jenis / aneka jenis.
2. banyak jenisnya / banyak macamnya |

Soalan 2 - Sintaksis (Pisah Ayat)

- | | | |
|-------|--|---|
| (i) | Malaysia mempunyai masyarakat majmuk | 1 |
| (ii) | Masyarakat majmuk terdiri daripada berbilang kaum | 1 |
| (iii) | Mekanisme pendedahan merupakan aspek terpenting dalam mengukuhkan pemahaman masyarakat terhadap prinsip Rukun Negara | 1 |
| (iv) | Mekanisme pembelajaran merupakan aspek terpenting dalam mengukuhkan pemahaman masyarakat terhadap prinsip Rukun Negara | 1 |
| (v) | Inisiatif lain ialah memberikan penekanan terhadap ilmu pengetahuan sejarah | 1 |
| (vi) | Sejarah dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat | 1 |

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

kesalahan	pembetulan	jenis kesalahan	
1. warga negara	- warganegara	<i>ejaan</i>	1
2. menunjukan	- menunjukkan	<i>imbuhan</i>	1
3. drone	- dron	<i>ejaan</i>	1
4. sosial media	- media sosial	<i>bahasa</i>	1
5. pelanggaran	- pelanggaran	<i>imbuhan</i>	1
6. cantik	- baik / mengizinkan / elok	<i>istilah</i>	1

[Maksimum : 5 markah]

Bahan 2

kesalahan	pembetulan	jenis kesalahan	
1. mendapatkan	- untuk mendapatkan	<i>bahasa</i>	1
2. diungkapkan	- diumumkan / diiklankan / dipromosikan / diuar-uarkan / dihebahkan	<i>istilah</i>	1
3. anjurkan	- menganjurkan	<i>imbuhan</i>	1
4. selama	- sebanyak	<i>istilah</i>	1
5. satu setengah jam	- satu jam setengah	<i>bahasa</i>	1
6. ticket	- tiket	<i>ejaan</i>	1

[Maksimum: 6 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	3 - 4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Sultan Muzaffar Syah tersenyum; lalu baginda bertitah kepada Tuan Sidi Arab, “Jika benar Cau Pandan telah mati, benarlah tuan seorang yang hebat / luar biasa / mulia.”

(optional)

Pada ketika itu, Cau Pandan yang masih berada di benua / negeri Siam, berasa sakit di dadanya seperti terkena panah, Cau Pandan jatuh sakit memuntahkan darah lalu mati / meninggal dunia. Pihak Siam tidak jadi menyerang Melaka, disebabkan kematian Cau Pandan.

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

peribahasa	maksud
1. banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam	– setiap orang mempunyai pendapat, tabiat atau kelakuan yang berbeza.
2. bagai hujan jatuh ke pasir	– usaha yang sia-sia kerana tidak memberikan sebarang kesan atau hasil.
3. bagai duduk dalam duri	– berada dalam keadaan yang sangat tidak selesa atau menderita.

Nota: Berikan **1 markah** untuk setiap peribahasa dan **1 markah** bagi maksud peribahasa yang tepat.

[Maksimum: 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
Markah penuh **35** markah dibahagi kepada:

Soalan 6 : **13** markah
Soalan 7 : **12** markah
Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	
	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

(i) Maksud

- P1 faedah / kebaikan / keistimewaan / manfaat mustahak / utama / signifikan / berguna / berharga/ **vital** 2
- P2 faedah / kebaikan / keistimewaan / manfaat **penting** 1
- P3 **khasiat** mustahak / utama / signifikan / berguna / berharga/ **vital** 1

[maksimum 2 markah]

(ii) Faedah-faedah

Bahan 1

- P1 – merawat diabetes
- P2 – membantu untuk mengurangkan berat badan

Bahan 2

- P3 – antikulat, antibakteria dan antiradang
- P4 – membantu untuk merangsang penghasilan enzim penghadaman yang penting dalam proses pencernaan

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Kebaikan-kebaikan

- P1 – meningkatkan tahap kesihatan / menguatkan sistem imun badan
- P2 – mengurangkan risiko penyakit kronik
- P3 – mengekalkan berat badan yang ideal / mengelakkan masalah kegemukan / obesiti
- P4 – membekalkan tenaga
- P5 – meningkatkan kecerdasan minda / daya tumpuan
- P6 – menjimatkan kos rawatan perubatan
- P7 – meningkatkan kualiti hidup / menjalani kehidupan yang lebih produktif
- (kebaikan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iv) **Cadangan-cadangan**

P1 – memberikan pendedahan / pendidikan tentang kepentingan pemakanan
sihat / kesan buruk makanan segera terhadap kesihatan

P2 – melibatkan anak dalam aktiviti membeli / menyediakan makanan sihat

P3 – menjadi contoh teladan dengan mengamalkan pemakanan sihat

P4 – mengehendkan / mengawal pemakanan makanan segera / makanan
diproses

P5 – menyediakan bekal makanan sihat ke sekolah / menyediakan makanan
seimbang yang menarik / menghidangkan buah-buahan / snek berkhasiat

P6 – mendapatkan nasihat pakar pemakanan / menghadiri program kesedaran
kesihatan

P7 – memberikan ganjaran atau pujian

(Cadangan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum :4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7

(i) **kepentingan**

P1 bahasa jiwa bangsa 1

P2 bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan 1
sekalipun.

[Maksimum 2 markah]

[Isi cukup : 2]

(ii) **pesanan bonda**

Bahan 1

P1 perintah agama jangan sesekali kamu abaikan

P2 peliharalah bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal

Bahan 2

P3 sentiasa / rajin menuntut ilmu (*Rajin selalu menuntut ilmu*)

P4 sentiasa berpegang kepada agama (*Jangan lupa agama di dada*)

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) cabaran-cabaran

- P1 kos sara hidup yang tinggi / masalah kewangan / sewa rumah / makanan / barang keperluan yang mahal
- P2 masalah tempat tinggal / berkongsi bilik
- P3 persaingan mendapatkan pekerjaan
- P4 masalah pengangkutan / kesesakan lalu lintas / tempat kerja yang jauh
- P5 masalah kejutan budaya / masalah sosial

(cabaran lain boleh diterima sekiranya sesuai)

**[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]**

(iv) nasihat-nasihat

- P1 jangan mudah percaya tawaran kerja luar negara yang bergaji tinggi / sangat lumayan
- P2 semak kesahihan syarikat / guna agensi pekerjaan yang berdaftar
- P3 elak membuat bayaran pendahuluan
- P4 laporkan kepada pihak polis tawaran yang mencurigakan
- P5 dapatkan pandangan daripada orang yang lebih berpengalaman
- P6 jangan mudah berkongsi maklumat peribadi

(nasihat-nasihat lain boleh diterima sekiranya sesuai)

**[Maksimum :4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]**

Soalan 8

(i) Sebab-sebab

- P1 Farisha sudah berpindah rumah beberapa kali.
- P2 menukar nombor telefon.
- P3 alamat e-mel yang lama sudah tidak aktif.
- P4 dia juga sudah menghapuskan akaun *Facebook*, *Twitter* dan blog peribadi.
- P5 dia tidak pernah menghubungi rakan-rakan di tempat kerja lama.

**[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]**

(ii) **Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)**

Jawapan soalan novel

- a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- d) Beri 1 markah bagi setiap huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
- e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian / contoh).
- f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara gambaran menyeluruh
 - Baik - 2 markah
 - Lemah - 1 markah
- g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 8 (ii)

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang boleh menjadi ikutan kepada pembaca dalam mengekalkan keharmonian masyarakat.

Cadangan Jawapan

Novel Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

- 1 Peristiwa Danel menyelamatkan Lili yang diculik dan disembunyikan di sebuah pondok usang di dalam hutan oleh Rafik dan Haziq.
Huraian : Amalan membantu orang yang dalam kesusahan tanpa mengira bangsa dapat mengekalkan keharmonian masyarakat.
- 2 Peristiwa Lili membantu menyelesaikan konflik keganasan rumah tangga yang dialami oleh Che Jah dan anak-anaknya.
Huraian : Sikap prihatin, bertanggungjawab dan ambil peduli dalam kehidupan bermasyarakat dapat melahirkan masyarakat yang aman dan harmoni.

- 3 Peristiwa penduduk kampung datang menziarahi nenek setelah mengetahui Lili diculik. Mereka melahirkan rasa simpati dan mengadakan solat hajat untuk keselamatan Lili.

Huraian : Sikap ambil berat, prihatin dan cakna akan kesusahan jiran dapat melahirkan masyarakat yang harmoni.

- 4 Peristiwa Lili dan keluarganya memaafkan Rafik dan Haziq atas kesilapan mereka sekali gus memberi peluang kepada mereka untuk berubah.

Huraian : Sifat saling memaafi dan tidak berdendam akan mewujudkan keharmonian dalam masyarakat.

- 5 Peristiwa masyarakat Kampung Sentosa berbincang dengan tenang untuk menyelesaikan isu peletakan kubah masjid bagi mengelakkan perpecahan.

Huraian : Perbincangan secara aman dan berhemah dapat menyelesaikan banyak isu dalam masyarakat untuk mengekalkan keharmonian.

Novel Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

- 1 Peristiwa Haji Sulaiman dan petugas kesihatan membawa Saleha ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Huraian : Sikap saling membantu dalam masyarakat dapat mengekalkan keharmonian.

- 2 Peristiwa Dahlia tidak berdendam walaupun sering dihina, dicemuh dan difitnah oleh Aton.

Huraian : Sikap pemaaf dan berlapang dada dapat mengelakkan permusuhan untuk mewujudkan keharmonian masyarakat.

- 3 Peristiwa Tauke Lim, jiran berbangsa Tionghua yang selalu membantu keluarga Embong dari segi kewangan.

Huraian : Perbezaan bangsa, keturunan dan agama bukanlah halangan untuk saling menyayangi, menghormati dan hidup harmoni dalam masyarakat.



- 4 Peristiwa penduduk Kampung Parit Haji Rais bergotong-royong menjayakan majlis sambutan Maulidur Rasul di balai raya.

Huraian : Masyarakat tanpa mengira bangsa sanggup bekerjasama untuk mengekalkan keharmonian.

- 5 Penduduk kampung bekerjasama membina semula rumah keluarga Dahlia yang musnah akibat banjir besar.

Huraian : Keharmonian dalam masyarakat dapat dikekalkan sekiranya saling bekerjasama dan tolong-menolong.

Nota: Peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

BAHAGIAN C: RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- a) Isi - 20 markah**
- b) Bahasa - 10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana
- peribahasa / pantun
- penggunaan kata depan *di* dan *ke* **tidak dikira** sebagai satu perkataan

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian		Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima						Markah Maksimum						
	Pendahuluan								2						
ii)	Bahan 1								16						
	Fokus 1 ciri-ciri / kriteria-kriteria	4	4	4	3	3	2	2							
	Fokus 2 kebaikan-kebaikan / kelebihan- kelebihan / manfaat-manfaat / faedah-faedah	2	1	1	2	1	2	2							
	Fokus 3 cabaran-cabaran / masalah- masalah / kekangan-kekangan / halangan-halangan	3	1	1	1	2	2	2							
iii)	Bahan 2								16						
	Fokus 2 kebaikan-kebaikan / kelebihan- kelebihan / manfaat-manfaat / faedah-faedah									1	1	1	1	1	1
iv)	Bahan 3														
	Fokus 3 cabaran-cabaran / masalah- masalah / kekangan-kekangan / halangan-halangan										1	1	1	1	1
	Jumlah Isi	11	8	8	8	8	8	8							
v)	Penutup / Kesimpulan								2						
Jumlah Markah									20						

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik. • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	• Kesenambungan ayat baik. • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik. • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 - 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami.

Nota:

- i. Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa adalah pada peringkat lemah.
- ii. Markah **isi** merangkumi pendahuluan, isi dan kesimpulan.
- iii. Jika calon memperoleh markah isi 6 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- iv. Jika markah isi 5 markah ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- v. Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, beri `1 markah bahasa.
- vi. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.
- vii. Kesimpulan hanya merujuk kepada tema sahaja.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- | | | |
|-----------|---|----------|
| P1 | ...membincangkan ciri-ciri / kriteria-kriteria kereta elektrik, kebaikan-kebaikan / kelebihan-kelebihan / manfaat-manfaat / faedah-faedah menggunakan / penggunaan kereta elektrik dan cabaran-cabaran / masalah-masalah / kekangan-kekangan / halangan-halangan menggunakan / penggunaan kereta elektrik | 2 |
| P2 | ... membincangkan ciri-ciri / kriteria-kriteria kereta elektrik dan kebaikan-kebaikan / kelebihan-kelebihan / manfaat-manfaat / faedah-faedah menggunakan kereta elektrik | 1 |
| P2 | ...membincangkan ciri-ciri / kriteria-kriteria kereta elektrik | 1 |

Isi [16 markah]

FOKUS 1: ciri-ciri / kriteria-kriteria

BAHAN 1

- | | | |
|-----------|---|----------|
| A1 | tidak menggunakan enjin pembakaran dalaman yang mengeluarkan asap ekzos | 2 |
| A2 | beroperasi dengan lebih senyap dan kurang getaran | 2 |
| A3 | dilengkapi teknologi canggih iaitu sistem brek regeneratif | 2 |
| A4 | dilengkapi dengan bateri yang lebih tahan lama dan tahan lasak | 2 |

FOKUS 2: kebaikan-kebaikan / kelebihan-kelebihan / manfaat-manfaat / faedah-faedah

BAHAN 1

- | | | |
|-----------|--|----------|
| B1 | membantu untuk mengurangkan pencemaran udara | 2 |
| B2 | mengurangkan pencemaran bunyi | 2 |

BAHAN 2

- | | | |
|-----------|----------------------------------|----------|
| C1 | menggalakkan mobiliti mesra alam | 2 |
|-----------|----------------------------------|----------|

FOKUS 3: cabaran-cabaran / masalah-masalah / kekangan-kekangan / halangan-halangan

BAHAN 1

- | | | |
|-----------|---|----------|
| D1 | kekurangan infrastruktur pengecasan | 2 |
| D2 | pengguna sering kali berasa tidak yakin untuk menggunakan kereta elektrik dalam perjalanan jauh | 2 |
| D3 | pemasangan unit pengecas peribadi sering menghadapi halangan daripada pihak pengurusan bangunan | 2 |

BAHAN 3

- | | | |
|-----------|---------------------------------|----------|
| E1 | bayaran pendahuluan agak tinggi | 2 |
|-----------|---------------------------------|----------|

Kesimpulan [2 Markah]

- | | | |
|-----------|--|----------|
| K1 | Kesimpulannya, kereta elektrik perlulah digunakan / ditingkatkan / digalakkan / dimajukan agar dapat menjamin kelestarian alam sekitar | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, kereta elektrik perlulah digunakan / ditingkatkan / digalakkan / dimajukan | 1 |

(Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima)

TAMAT

